



Oleh Presiden Thomas S. Monson

"Aku Akan Sentiasa Menyertai Engkau, Dan Tidak Sekali-kali Meninggalkan Engkau"

Bapa Syurgawi kita . . . tahu bahawa kita belajar dan berkembang dan menjadi lebih kuat semasa kita menghadapi dan mengatasi percubaan-percubaan yang harus kita alami.

Saya akan tulis dalam jurnal saya malam ini, "Ini salah satu sesi yang paling menginspirasi dari semua persidangan umum yang pernah saya hadiri. Segala perkara ini bersifat rohani yang terbesar."

Saudara saudari, enam bulan lalu bila kita bertemu di persidangan umum, isteri saya, Frances, berada di hospital, selepas dia jatuh hanya beberapa hari sebelum itu. Pada bulan Mei, selepas berusaha dengan berani selama beberapa minggu untuk mengatasi kecederaannya, dia pun meninggalkan dunia ini. Saya sangat rindui dia. Kami berkahwin

dalam Bait Suci Salt Lake pada hari bulan Oktober 7, tahun 1948. Hari esok ialah ulang tahun perkahwinan kami yang ke 65. Dialah orang terkasih saya, teman yang saya percaya, dan sahabat terapat saya. Saya sangat merindui dia.

Persidangan ini menandakan tahu ke 50 semenjak saya dipanggil ke Kuorum Dua Belas Rasul oleh Presiden David O. McKay. Isteri saya selalunya berikan saya sokongan yang penuh dan sempurna. Dia buat banyak pengorbanan supaya saya boleh melaksanakan panggilan saya. Saya tidak pernah dengar dia

merungut bila saya meninggalkan dia dan anak-anak kami buat beberapa hari ataupun beberapa minggu. Dia tentunya seorang malaikat.

Saya ingin mengucapkan kesyukuran, bagi pihak keluarga saya juga, demi penunjukan belas kasihan yang diberikan kepada kami semenjak Frances meninggal dunia. Beratus-ratus kad dan surat dari seluruh dunia yang menunjukkan kekagamuman kepada dia dan mengucap takziah sudah kami terima. Kami sudah terima juga banyak susunan bunga yang cantik. Kami bersyukur demi sumbangan dalam nama dia kepada Tabung Mubaligh Gereja. Bagi pihak keluarga kami, saya mengucapkan kesyukuran demi kebaikan dan penunjukan belas kasihan anda.

Perkara yang bawakan kesenangan hati terbesar kepada saya sepanjang masa perpisahan ini ialah kesaksian saya tentang Yesus Kristus dan pengetahuan bahawa Frances masih hidup. Saya tahu bahawa perpisahan kami hanya buat sementara waktu sahaja. Kami sudah dimeterai dalam bait suci Tuhan oleh seorang yang berkuasa untuk mengikat perkara di bumi dan perkara di syurga. Saya tahu bahawa kami akan disatu lagi dan tidak akan dipisahkan. Pengetahuan ini menyokong saya.

Saudara dan saudari, kita boleh kata bahawa tidak ada seorang pun dapat hidup tanpa penderitaan dan kedukaan, atau adanya satu zaman dalam sejarah manusia yang tanpa kekacauan dan kesengsaraan.

Bila kita menghadapi keadaan yang kejam dalam hidup, adanya satu godaan untuk menanya soalan ini

“Mengapa ini berlaku kepada saya?” Kadang-kala ternampaknya tidak ada ketamatan bagi penderitaan kita, tidak ada pembebasan dari cubaan kita. Kita berasa kita dilingkungi oleh kekecewaan dari hasrat yang belum dicapai dan harapan yang sudah hapus. Kita merayu bersama-sama dengan ayat suci ini, “Tiadakah ubat di Gilead?”¹ Kita berasa kita sudah ditinggalkan, berpatah hati, dan bersendirian. Kita bercondong untuk memandangi kemalangan kita dengan sikap pesimis. Kita menjadi tidak sabar untuk menerima jawapan kepada masalah kita, kita lupa bahawa kesabaran selalu diperlukan.

Kesusahan yang kita hadapi berikan kita satu ujian untuk menguji keupayaan kita untuk menahan. Satu soalan asas yang harus kita jawab: harkah saya mengaku kalah atau menahan sampai akhir? Ada orang yang mengaku kalah bila mereka terdapat bahawa mereka tidak mampu untuk mengatasi cabaran mereka. Untuk menahan memerlukan penahanan sampai ketamatan hidup.

Bila kita merenung tentang perkara yang boleh berlaku kepada kita, kita boleh berkata bersama Ayub dari zaman purba, “Manusia sendirilah yang mendatangkan kesusahan pada diri mereka.”² Ayub seorang yang “sempurna dan soleh” serta “menyembah Tuhan dan setia kepada-Nya.”³ Salih dalam kelakuannya, makmur dalam hidupnya, Ayub menghadapi satu ujian yang boleh musnahkan sesiapa pun. Harta bendanya di ambil dari dia, kawan-kawannya menertawakan dia, terseksa oleh penderitaannya, dan kehilangan keluarga, dia digoda untuk “kutuklah Tuhan, dan matilah.”⁴ Dia menahan godaan ini dan mengisytiharkan dengan segala jiwanya:

“Ada pembelaku di syurga yang akan memberikan kesaksian bahawa aku tidak berdosa.”⁵

“Aku tahu bahawa di syurga ada Penyelamatku.”⁶

Ayub tetap beriman. Akankah kita tetap beriman apabila kita

mengalami kesusahan?

Bila kita bercondong untuk berasa berbeban dengan kesukaran hidup, semoga kita ingat bahawa orang lain juga sudah mengalami kesukaran, dan mereka menahan, dan sudah mengatasi kesukaran.

Sejarah Gereja pada zaman keagamaan ini penuh dengan contoh orang yang menderita tetapi masih tetap setia dan teguh hati. Apakah sebabnya? Mereka mempunyai injil Yesus Kristus dalam pusat kehidupan mereka. Inilah yang akan menolong kita untuk menahan pengalaman dalam hidup kita. Kita masih akan mengalami cabaran-cabaran yang susah, tetapi kita akan dapat menghadapi cabaran-cabaran itu dengan berani, dan berjaya mengatasi cabaran.

Dari katil sakit, dari bantal yang basah dengan air mata, kita ditenang oleh kepastian dan jaminan ini: “Aku akan sentiasa menyertai engkau, dan tidak sekali-kali meninggalkan engkau”⁷ Kesenangan hati ini sangat berharga.

Saya sudah berjalan jauh ke seluruh dunia ini untuk melaksanakan panggilan saya, saya belajar tentang banyak perkara-salah satu perkara itu adalah bahawa setiap orang mengalami kesedihan dan penderitaan. Saya tidak boleh ukurkan kesakitan hati dan kedukaan yang sudah saya nampak semasa saya mengunjungi dengan orang yang mengalami kesedihan, kesakitan, penceraihan, yang berjuang dengan anak-anak yang sesat, atau yang menderita akibat dosa. Senarai ini memang panjang, kerana ada banyak masalah yang boleh berlaku kepada kita semua. Untuk menghu- raikan satu masalah sahaja memang susah, tetapi setiap kali saya merenung tentang cabaran, saya ingatkan Brother Brems, seorang pengajar Sekolah Hari Ahad saya pada zaman budak saya. Dia seorang ahli Gereja yang beriman, seorang yang memiliki belas kasihan yang sempurna. Dia bersama isterinya mempunyai lapan orang anak, kebanyakan mereka berumur sama dengan ahli keluarga saya.

Selepas saya dan Frances sudah kahwin, kami pindah dari bahagian itu. Kami bertemu Brother dan Sister Brems dan ahli-ahli keluarga mereka pada majlis perkahwinan, upacara pengubumian dan juga majlis perjumpaan bahagian.

Pada tahun 1968, isteri Brother Brems, Sadie meninggal dunia. Dua orang anaknya juga meninggal dunia pada tahun-tahun berikut.

Suatu hari agak-agak 13 tahun lalu, cucu perempuan tertua Brother Brems menelefon saya. Dia menjelaskan bahawa datuknya sudah berumur 105 tahun. Dia kata, “Datuk saya tinggal di satu pusat orang tua tetapi dia bertemu dengan keluarganya setiap hari Ahad, di mana dia berikan satu pengajaran injil.” Cucu perempuan itu terus berkata, “Hari Ahad lepas minggu Datuk berkata kepada kami, ‘Saya akan meninggal dunia minggu ini. Sila telefon Tommy Monson. Dia akan tahu perkara yang harus dia lakukan.’”

Pada petang hari besok itu saya pergi mengunjungi Brother Brems. Saya sudah lama tidak menjumpai dia. Saya tidak dapat berbual-bual dengan dia kerana dia sudah kehilangan pendengaran. Saya tidak boleh tuliskan pesanan untuk dibaca dia, kerana dia sudah kehilangan penglihatan. Saya dimaklum bahawa keluarganya berkomunikasi dengan dia dengan mengangkat jari tangan kanannya dan tuliskan nama pengunjungnya pada tapak tangan kirinya. Semua komunikasi dilakukan dengan cara itu. Saya pun ikut proses ini dengan menuliskan ‘TOMMY MONSON,’ pada tapak tangannya. Dia mengenali nama saya. Dia menjadi ghairah, dan mengangkat dan meletakkan tangan saya di atas kepalanya. Saya tahu bahawa dia ingin menerima satu berkat imamat. Pemandu yang memandu saya ke pusat orang tua itu menyertai saya untuk meletakkan tangan pada kepala Brother Brems dan berikan dia satu berkat. Selepas itu, air mata mengalir dari matanya yang sudah kehilangan penglihatan. Dia

memegang tangan kami dengan kesyukuran. Walaupun dia tidak dapat dengar berkat itu, Roh sangat kuat, dan saya percaya dia diilham untuk mengetahui kami berikan satu berkat yang dia perlukan. Saudara ini tidak dapat dilihat. Dia tidak dapat dengar. Dia terbatas setiap hari dalam satu bilik kecil dalam satu pusat orang tua. Tetapi senyumannya dan katanya menyentuh hati saya. “Terima kasih, “dia kata, “Bapa Syurgawi saya sangat baik terhadap saya.”

Dalam satu minggu, seperti yang dijangka oleh Brother Brems, dia meninggalkan dunia. Dia tidak berfokus pada perkara yang tidak dimiliki; sebaliknya, dia bersyukur kepada berkat-berkatnya.

Bapa Syurgawi kita, yang berikan kita banyak perkara untuk dinikmati, juga tahu bahawa kita belajar dan menjadi kuat bila kita menghadapi dan mengatasi kesusahan yang harus kita alami. Kita tahu bahawa ada masa kita akan mengalami kedukaan yang mematah hati, kita akan sedih, dan kita akan diuji dengan hebat. Namun begitu, kesukaran itu membenarkan kita untuk berkembang, untuk menubuh semula hidup kita dengan cara yang diajar oleh Bapa Syurgawi, dan menjadi seorang yang berbeza-seorang yang lebih baik, lebih berbelas kasihan, lebih empatetik, dan mempunyai kesaksian yang lebih teguh.

Tujuan kita haruslah—untuk bertabah dan menahan, dan juga untuk menjadi lebih suci secara rohani semasa kita mengalami masa yang

baik mahupun masa yang buruk. Jika tanpa mengatasi cabaran dan masalah, kita akan tetap pada masa kini, tanpa perkembangan terhadap matlamat hidup kekal. Seorang pemuisi menghuraikan fikiran ini dalam kata-kata berikut:

*Kayu yang baik tidak tumbuh dengan senang.
Pokok tumbuh dengan kuat dalam angin yang kuat.
Pokok tumbuh lebih tinggi terhadap langit yang tinggi,
Lebih kuat ribut itu, lebih kuat pokok itu.
Dalam sinar matahari dalam hari sejuk, dalam hujan dalam salji,
Begitulah pokok dan manusia tumbuh⁸*

Hanya Juruselamat mengetahui tentang kesusahan kita, kesakitan kita, dan penderitaan kita. Hanya Dia boleh berikan kita ketenangan kekal dalam masa kesusahan. Hanya Dia boleh mempengaruhi jiwa kita yang tersesak dengan kata-kata-Nya:

“Marilah kepada-Ku, hai kamu semua yang lelah kerana memikul beban yang berat; Aku akan membebaskan kamu daripada beban kamu.

“Ikutlah perintah-Ku dan terimalah ajaran-Ku, kerana Aku ini lemah lembut dan rendah hati; kamu akan mendapat kesejahteraan.

“Perintah yang Aku berikan kepada kamu mudah diturut, dan beban yang Aku berikan mudah dipikul.”⁹

Mahupun dalam masa yang susah atau masa yang gembira, Dia bersama

kita. Dia sudah janji bahawa ini tidak akan ubah.

Saudara saudari ku, semoga kita buat komitmen kepada Bapa Syurgawi yang tidak ubah pada masa hidup atau krisis hidup kita. Kita tidak harus hanya ingatkan Dia hanya pada masa kesusahan, dan kita tidak harus dipaksa untuk merendahkan hati sebelum kita beriman dan percaya kepada Dia.

Semoga kita berusaha untuk lebih mendekati Bapa Syurgawi. Untuk membuat demikian, kita harus berdoa kepada Dia dan mendengari Dia setiap hari. Kita benar-benarnya perlukan Dia setiap jam, mahupun semasa waktu baik atau waktu kesusahan. Kita harus selalu ingatkan janjinya: “Aku akan sentiasa menyertai engkau, dan tidak sekali-kali meninggalkan engkau.”¹⁰

Dengan segala kuasa jiwaku, saya bersaksi bahawa Tuhan hidup dan menyayangi kita, Putera Tunggal-Nya sudah hidup dan korban bagi kita, dan injil Yesus Kristus ialah cahaya yang menusuk hidup kita pada masa kesusahan. Ini saya berdoa dalam nama kudus Yesus Kristus, amin.

NOTA

1. Yereemia 8:22
2. Ayub 5:7
3. Ayub 1:1
4. Ayub 2:9
5. ayub 16:19
6. Ayub 19:25
7. Yosua 1:5
8. Douglas Malloch, “Good Timber,” dalam Sterling W. Sill, *Making the Most of Yourself* (1971), 23.
9. Matius 11:28–30.
10. Yosua 1:5

Ajaran-ajaran untuk Masa Kita

Pelajaran Imamat Melkisedek dan Lembaga Pertolongan pada hari Ahad keempat akan menumpu pada “Ajaran-ajaran untuk Masa Kita.” Setiap pelajaran boleh disediakan dari satu atau lebih dari satu ucapan yang diberikan pada persidangan umum yang terkini (lihat carta di bawah). Para presiden pancang dan presiden daerah boleh memilih ucapan yang harus digunakan, atau mereka boleh berikan tugas ini kepada uskup dan presiden cabang. Para pemimpin menekankan nilai untuk persaudaraan Imamat Melkisedek and para saudari Lembaga Pertolongan mengkaji ucapan yang sama pada hari Ahad yang sama.

Mereka yang menghadiri pelajaran-pelajaran hari Ahad keempat digalakkan untuk mengkaji dan membawa ke kelas majalah persidangan umum yang terkini.

Cadangan-cadangan untuk Menyediakan Pelajaran dari Ucapan-ucapan

Berdoalah agar Roh Kudus akan bersama anda bila anda mengkaji dan mengajar ucapan(-ucapan) itu. Anda mungkin akan tertarik untuk menyediakan pelajaran dengan

menggunakan bahan-bahan lain, tetapi ucapan-ucapan persidangan ialah kurikulum yang sudah diluluskan. Tugas anda adalah untuk membantu orang lain untuk belajar dan menghidupkan injil seperti yang diajar dalam persidangan umum Gereja yang terkini.

Kaji semula ucapan(-ucapan) itu, carilah asas-asas dan ajaran-ajaran yang menemui keperluan ahli-ahli kelas. Juga perhatikan cerita-cerita, rujukan-rujukan tulisan suci, dan pernyataan dari ucapan(-ucapan) itu yang akan menolong anda untuk mengajar kebenaran-kebenaran itu.

Buat satu ringkasan tentang cara untuk mengajarkan asas-asas dan ajaran-ajaran itu. Menimbang untuk memasukkan soalan-soalan yang membantu ahli-ahli kelas:

- Carikan asas-asas dan ajaran-ajaran dalam ucapan itu.
- Renungkan maksud mereka.
- Berkongsi tentang pemahaman, idea-idea, pengalaman, dan kesaksian.
- Aplikasikan asas-asas dan ajaran-ajaran itu dalam kehidupan mereka.

BULAN BILA PELAJARAN-PELAJARAN DIAJARKAN	BAHAN PELAJARAN HARI AHAD KEEMPAT
Oktober 2013–April 2014	Ucapan-ucapan yang diberikan pada persidangan umum Oktober 2013*
April 2014–Oktober 2014	Ucapan-ucapan yang diberikan pada persidangan umum April 2014*

** Untuk pelajaran-pelajaran hari Ahad keempat bulan April dan Oktober, ucapan(-ucapan) boleh dipilih dari persidangan lepas atau yang terkini. Ucapan-ucapan ini boleh didapati (dalam banyak bahasa) di conference.lds.org.*



Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf
Penasihat Kedua di dalam Presidensi Utama

Mari, Sertai Kami

Tidak kira keadaan sejarah hidup kamu, atau kekuatan kepercayaan kamu, terdapat ruang dalam Gereja ini untuk kamu.

Pada satu masa terdapat seorang lelaki yang bermimpi bahawa dia di dalam satu dewan di mana semua agama di dunia berada. Dia sedar bahawa terdapat banyak perkara yang diinginkan dan patut dalam semua agama.

Dia menemui satu pasangan dari Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir dan bertanya, “Apa yang *kamu* menghendaki dari ahli anda?”

“*Kami* tidak menghendaki apa-apa” jawab mereka. “Tetapi *Tuhan* menghendaki kita menyucikan semua.”

Pasangan itu kemudian menerangkan tentang panggilan Gereja, melawat dan mengajar, misi sepenuh masa, hari keluarga mingguan, kerja bait suci, kerja kemanusiaan dan kebajikan dan penugasan untuk mengajar kelas.

“Adakah kamu membayar orang anda untuk kerja yang mereka buat?” Tanya lelaki itu.

“Oh tidak” jawab pasangan itu. “Mereka memberi masa mereka dengan rela.”

“Juga” pasangan itu berkata, “setiap enam bulan kami meluangkan masa hari minggu untuk menghadiri atau menonton sepuluh jam persidangan.”

“Sepuluh jam orang memberi ucapan?” lelaki itu terpegun.

“Bagaimanapula perjumpaan minggu anda? Berapa lama perjumpaan itu?”

“Tiga jam, setiap hari Ahad!”

“Oh!” Kata lelaki itu. “Adakah benar ahli Gereja kamu melakukan semua yang kamu katakan?”

“Itu dan lebih lagi, kita belum lagi menyebut tentang sejarah keluarga, perkhemahan keluarga, ucapan soleh, latihan pemimpin, aktiviti remaja, kelas seminari pagi, menjaga bangunan gereja dengan sukarela dan tentunya terdapat undang-undang Tuhan mengenai kesihatan, berpuasa, menolong yang miskin dan persepuluhan.”

Kata lelaki itu “Saya keliru. Kenapa ada orang yang ingin menjadi ahli kepada gereja sebegitu?”

Pasangan itu senyum dan berkata, “Kami fikir kamu tidak akan tanya.”

Kenapa, seseorang ingin menyertai Gereja sebegitu?

Pada masa kebanyakan gereja di dunia menghadapi kekurangan ahli gereja dengan mendadak, Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir—merupakan antara gereja yang pesat membesar di dunia.

Terdapat banyak sebab untuk ini, boleh saya huraikan beberapa sebabnya?

Gereja Juruselamat

Pertama, gereja ini ditubuhkan semula oleh Yesus Kristus sendiri. Di sini kamu akan menemui kuasa untuk bertindak dalam nama Nya untuk membaptis demi pengampunan dosa, memberi kurnia Roh Kudus, dan untuk memeteraikan apa yang di dunia dan di syurga.¹

Mereka yang menyertai gereja menyayangi Juruselamat iaitu Yesus Kristus dan mereka ingin mengikuti Nya. Mereka bersuka ria dengan pengetahuan bahawa Tuhan berkomunikasi dengan manusia semula. Bila mereka menerima tatacara imamat dan membuat perjanjian dengan Tuhan, mereka boleh merasa kuasa Nya dalam hidup mereka.² Bila mereka memasuki Bait Suci, mereka boleh rasa kehadiranNya. Bila mereka membuka tulisan suci³ dan hidup cara ajaran nabi, mereka lebih mendekati Juruselamat yang mereka sayangi.

Iman Yang Aktif

Salah satu sebab adalah kerana Gereja memberi peluang untuk berbuat perkara yang baik.

Mempercayai Tuhan adalah dipuji, tetapi kebanyakan orang ingin

melakukan lebih daripada mendengar ucapan yang berinspirasi atau bermimpi tentang rumah-rumah agam di atas.⁴ Mereka ingin meletakkan iman mereka dalam perbuatan. Mereka ingin menggulungkan lengan baju dan bekerja dalam perkara yang penting.

Dan itu yang berlaku bila mereka menyertai kami-mereka akan mempunyai banyak peluang untuk membina bakat mereka, belas kasihan, dan masa untuk kerja yang baik. Disebabkan kita tidak mempunyai Paderi yang dibayar dalam gereja kita seluruh dunia, ahli gereja kita yang melakukan kerja kementerian sendiri. Mereka dipanggil melalui inspirasi. Kadangkala kita merelakan diri kita dan kadang-kadang *kita* di “sukarela-wankan”. Kita melihat tugas ini bukan sebagai satu beban tetapi sebagai peluang untuk memenuhi perjanjian kita dan dengan rela hati melayani Tuhan dan anak-anak Nya.

Berkat Yang Dihargai

Sebab ketiga kenapa orang menyertai Gereja adalah kerana menjalani langkah hidup sebagai orang suci membawa banyak berkat yang dihargai.

Kita melihat pembaptisan sebagai tanda permulaan perjalanan kita sebagai pengikut. Perjalanan kita setiap hari dengan Yesus Kristus membawa kepada keamanan dan sebab untuk kehidupan ini dan kegembiraan yang nyata dan kehidupan kekal di dunia yang akan datang.

Mereka yang mengikuti lorong ini dengan beriman mengelak banyak lubang bahaya, kesedihan dan penyelesaian dalam hidup.

Mereka yang rendah hati dan jujur akan mendapat banyak ilmu yang berharga.

Mereka yang menderita atau sedih akan menemui kesembuhan di sini.

Mereka yang dibebani dosa akan menemui keampunan, kebebasan dan rehat.

Kepada Mereka Yang Meninggalkan Gereja

Pencarian kebenaran telah membawa berjuta orang ke Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir. Tetapi, terdapat segelintir yang meninggalkan Gereja yang mereka pernah kasihi.

Seseorang mungkin bertanya, “Jika ajaran Injil amat bagus, kenapa ada orang yang meninggalkannya?”

Kadangkala kita menganggap ia adalah kerana mereka telah disinggung atau malas atau berdosa. Sebenarnya ia bukan begitu mudah. Tidak terdapat satu sebab yang boleh diaplikasikan kepada banyak situasi.

Terdapat ahli gereja yang bergelut untuk bertahun dengan soalan sama ada mereka patut memisahkan diri mereka daripada Gereja.

Di dalam Gereja ini yang menghormati dengan penuh kebebasan persendirian seseorang individu, Gereja yang telah dipulihkan oleh seorang lelaki muda yang mempunyai soalan dan mencari jawapan; kami menghormati mereka yang ingin mencari kebenaran secara ikhlas. Ia menyedihkan kita jika perjalanan mereka membawa mereka jauh daripada Gereja yang kita sayangi dan kebenaran yang kita telah jumpa, tetapi kita menghormati hak mereka untuk memuja Tuhan mengikut kehendak mereka, seperti yang kita harapkan untuk diri kita sendiri.⁵

Soalan Yang Tidak Terjawab

Ada beberapa orang yang bergelut dengan soalan yang tidak terjawab yang telah dikatakan atau disebut pada masa dulu. Kami secara terus terang berkata bahawa dalam hampir 200 tahun sejarah Gereja—sekali dengan satu jalinan sejarah yang terpuji dengan peristiwa keTuhanan—terdapat beberapa perkara yang terkata atau terlaksana yang menyebabkan orang boleh mempersoalkannya.

Kadang-kala soalan timbul kerana kita tidak mempunyai semua maklumat dan kita perlukan sedikit kesabaran. Bila semua kebenaran diterangkan, semua perkara yang tidak masuk akal sebelum ini akan dijawab dengan penuh.

Kadang-kadang terdapat beberapa pendapat tentang sesuatu “fakta.” Satu soalan yang boleh menimbulkan keraguan dalam seorang boleh, selepas penyelidikan yang teliti, membina iman dalam orang lain.

Kesilapan Orang Yang Tidak Sempurna

Dan, secara terus terang, terdapat beberapa kali di mana ahli Gereja atau pemimpinnya dalam Gereja telah membuat kesilapan. Mungkin terdapat beberapa perkara yang dibuat yang tidak selaras dengan nilai, prinsip dan doktrin kita.

Saya rasa, Gereja ini akan sempurna jika ia dikerjakan oleh insan yang sempurna. Tuhan adalah sempurna dan ajaranNya adalah murni. Tetapi dia melakukan kerja Nya melalui kita—anak Nya yang tidak sempurna—dan orang yang tidak sempurna melakukan kesilapan.

Di dalam Kitab Mormon kita membaca, “Dan sekarang, jika ada kesalahan itu adalah kesilapan manusia; kerana itu, janganlah mengecam hal-hal Tuhan, supaya kamu boleh didapati tanpa noda pada kerusi penghakiman Kristus.”⁶

Ini adalah cara ia ada dan akan sehingga hari yang sempurna bila Kristus sendiri akan memerintah dunia ini.

Ia adalah menyedihkan bahawa segelintir telah jatuh disebabkan kesilapan manusia. Walaupun dengan ini, kebenaran abadi tentang injil yang telah dipulihkan yang terdapat dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, tidak dikotorkan, lelap atau dimusnahkan.

Sebagai Rasul Yesus Kristus dan

sebagai salah satu orang yang telah melihat pekerjaan dan Majelis Gereja, saya bersaksi bahawa “Tidak ada keputusan yang mustahak mengenai Gereja dan orangnya yang tidak dibuat dengan kepatutan dan doa serta berdepan ke sumber segala kebijaksanaan untuk hala tujuan . . . Tuhan tidak akan membenarkan kerja Nya disesatkan”

Terdapat Ruang Untuk Anda

Kepada mereka yang mengasingkan diri mereka daripada Gereja, saya berkata, kawanku, terdapat ruang di sini untuk anda.

Mari dan tambahkan bakat, kuriaan dan tenaga dengan kami dan keputusannya adalah kita semua akan menjadi lebih maju.

Setengah mungkin akan menanya, “Tetapi bagaimanapula dengan keraguan saya?”

Ia adalah biasa untuk mempunyai soalan—benih pertanyaan ikhlas kebanyakannya tumbuh dan menjadi matang kepada sebuah pokok kefahaman. Terdapat hanya sedikit ahli Gereja yang, pada satu masa atau lain yang tidak bergelut dengan soalan yang serius atau sensitif. Salah satu tujuan utama Gereja adalah untuk memelihara dan memupuk benih iman—walaupun kadang-kadang dalam tanah berpasir keraguan dan ketidak pastian. Iman adalah kamu berharap untuk hal-hal yang tidak terlihat, yang adalah benar.⁷

Oleh itu, sila lakukan, pertamagui keraguan anda sebelum kamu meragui imanmu.⁸ Kita tidak boleh membiar keraguan memegang kita banduan dan menjatuhkan kita daripada kasihsayang ilahi, keamanan dan pemberian berharga yang datang melalui iman kepada Tuhan Yesus Kristus.

Ada yang mungkin kata, “Saya tidak boleh menyesuaikan diri saya dengan kamu orang Gereja.”

Jika kamu boleh melihat hati kami, kamu mungkin akan mendapati kamu boleh suaikan diri lebih daripada jangkauan anda. Kamu akan

terkejut yang kita mempunyai kemahuan, kesusahan dan harapan yang sama dengan anda. Latar belakang atau cara kamu dibesarkan mungkin kelihatan lain dengan apa yang kamu mengerti tentang kebanyakan ahli Gereja, tetapi itu mungkin satu bakat. Saudara dan Saudari, kawanku, kita perlukan bakat kamu yang unik dan perspektif anda. Kemajmukan ahli Gereja diseluruh dunia adalah kekuatan Gereja ini.

Ada yang mungkin berkata, “Saya rasa saya tidak boleh hidup mengikut piawaiaan kehidupan anda.”

Lebih banyak sebab untuk datang! Gereja ditujukan untuk memelihara yang tidak sempurna, yang bergelut dan yang lelah. Ia dipenuhi dengan orang yang *ingin* dengan semua kemahuan mereka untuk mengikut perintah Tuhan, walaupun mereka belum *mengawalnya*.

Ada yang mungkin berkata, “Saya tahu seorang ahli Gereja anda yang hipokrit. Saya tidak akan menyertai Gereja yang mempunyai seorang seperti itu sebagai ahli.”

Jika kamu definisikan *hipokrit* sebagai seorang yang gagal hidup sempurna dengan apa yang mereka percaya, jadi kita semua hipokrit. Kita semua bukan seperti Kristus, yang harus kita ikuti. Tapi kita dengan sepenuh hati ingin mengatasi kesalahan dan kemahuan untuk berdosa dan menjadi lebih baik dengan Penebusan Yesus Kristus.

Jika ini adalah keinginan kamu, jadi tidak kira keadaan sejarah hidup kamu, atau kekuatan kepercayaan kamu, terdapat ruang dalam Gereja ini untuk kamu, mari sertai kami!

Mari, Sertai Kami!

Denganpun kelemahan manusia. Saya yakin bahawa kamu akan dapat mencari antara ahli Gereja ini ramai jiwa yang paling murni dunia ini dapat tawarkan. Gereja Yesus Kristus nampaknya menarik jenis orang yang baik hati dan yang memelihara, yang jujur dan yang amat tekun.

Jika kamu berharap untuk melihat

orang yang sempurna di sini, kamu akan kecewa. Tetapi jika kamu datang untuk mencari doktrin suci Kristus, perkataan Tuhan “yang menyembuhkan jiwa yang terluka,”⁹ dan pengaruh kesucian Roh Kudus, di sinilah kamu akan menjumpainya. Dalam Zaman kesusutan iman—dizaman bila ramai rasa dijauhkan dari pelukan Syurga—di sini kamu akan mencari orang yang mahu mengetahui dan mendekatkan diri kepada Penebus melalui perkhidmatan kepada Tuhan dan manusia sejagat, seperti anda. Mari, sertai kami!

Adakah Kamu Juga Akan Pergi?

Saya diingatkan masa kehidupan Juruselamat bila ramai yang meninggalkanNya.¹⁰ Yesus menanya dua belas rasul Nya:

“Adakah kamu juga akan pergi?”

Kemudian jawab Simon Peter “Tuhan, kepada siapakah kami akan pergi? Perkataan-Mu adalah perkataan hidup yang kekal.”¹¹

Terdapat masa apabila kita mempunyai soalan yang sama untuk dijawab. Adakah kita juga akan pergi? Atau kita seperti Petrus akan memegang teguh perkataan untuk kehidupan yang kekal.

Jika kamu mencari kebenaran, makna dan satu cara untuk mengubah iman kepada aksi, jika kamu mencari tempat kepunyaan: Mari, sertai kami!

Jika kamu keluar daripada kepercayaan kamu pernah peluki: Mari datang lagi, sertai kami!

Jika kami digoda untuk mengalah: Tunggu sekejap lagi. Terdapat ruang untuk kamu di sini.

Saya meminta kepada kamu semua yang mendengar atau membaca perkataan ini. Mari, sertai kami. Mari ikut panggilan Kristus yang lembut. Angkat salibmu dan ikuti Nya.¹²

Mari, sertai kami! Sebab di sini kamu akan cari perkara yang bernilai melebihi harga.

Saya bersaksi bahawa di sini kamu akan jumpa perkataan kehidupan kekal, janji untuk berkat

penebusan, jalan untuk keamanan, dan kebahagiaan.

Saya berdoa bahawa carian kamu sendiri akan menyentuh hatimu untuk datang dan sertai kami. Dalam nama Yesus Kristus. Amin.

NOTA

1. Lihat Matius 16:18–19; Helaman 10:7.
2. Lihat Ajaran dan Perjanjian 84:20
3. Lihat 1 Nefi 33:10.
4. Lihat “Have I Done Any Good?” *Hymns*, no. 223.
5. Lihat Articles of Faith 1:11.
6. Halaman Judul Kitab Mormon; lihat Mormon 8:17.
7. Lihat Ibrani 11:1; Alma 32:21.
8. Lihat F. F. Bosworth, *Christ the Healer* (1924), 23.
9. Yakub 2:8.
10. Lihat Yohanes 6:66.
11. Yohanes 6:67–68
12. Lihat Matius 16:24.